



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
15 MEI 2018 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- |   |                         |    |
|---|-------------------------|----|
| - | Tanggalkan poster parti | 23 |
|---|-------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**15 MEI 2018 (SELASA)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Tanggalkan poster parti
Muka Surat	23

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 15 MEI 2018



BENDERA dan poster parti masing-masing perlu diturunkan kan sebelum 24 Mei ini.



PERANG bendera sepanjang Jalan Sungai Buloh menghala Paya Jaras, Selangor bagi menghangatkan lagi bahan berkempen semasa PRU-14, baru-baru ini. - UTUSAN/ NASIRUDIN YAZID

Deposit hangus jika gagal berbuat demikian sebelum 24 Mei

4M 15/5/18  
nys 23.

## Tanggalkan poster parti

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN  
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 MEI

**S**EMUA parti politik yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) diminta menanggalkan semua bendera atau poster parti masing-masing sebelum 24 Mei ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz berkata, semua parti terlibat diberi tempoh selama 14 hari selepas pilihan raya untuk berbuat demikian.

"Setakat ini kebanyakannya poster,

khemah dan bendera parti politik belum diturunkan sepenuhnya dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meminta pihak terlibat menanggalkan bahan kempen itu dengan segera," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Lembah Klang mendapati, poster dan bendera parti politik masih kelihatan di mana-mana.

Bagaimanapun jumlahnya ber-



MHD. AMIN NORDIN  
ABD. AZIZ

kurangan berbanding pada awal kempen kira-kira dua minggu lalu.

Sementara itu, Ketua Bahagian Korporat dan Komunikasi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, kerjasama daripada setiap parti terbit pada supaya menurunkan bahan kempen pilihan raya dikawasan pentadbiran majlis amat diharapkan.

"Hasil pemantauan MBSA, usa-

ha menurunkan bahan kempen telah dilaksanakan namun kami berharap ia dapat dipergiatkan," katanya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Abd. Hamid Hussain berkata, jika parti politik tidak menanggalkan bahan kempen PRU-14, pihak majlis akan menurunkannya dan wang deposit parti atau calon dikira hangus.

Pemasangan bahan kempen pilihan raya perlu diturunkan segera bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku kerana dikhawatir mengganggu persekitaran jalan raya.